

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HKB 310 Kesusasteraan Benua Kecil India

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. SAMA ADA

[a] Kajikan makna dan konotasi tiga [3] paradoks yang dikemukakan Sri Krishna di dalam usahanya menerangkan pandangan semesta Hindu.

ATAU

[b] Di dalam Bhagavad Gita, Sri Krishna melukiskan ciri-ciri Brahman melalui bahasa yang indah. Dengan merujuk kepada tiga [3] contoh perlukisan Brahman, analisisikan penggunaan bahasa Sri Krishna.

2. Setakat manakah Narayan berjaya menggunakan perkembangan Jagan untuk mengkritik pengetahuan agama yang cetek di samping memaparkan pencarian rohaniah yang bermakna? (The Vendor of Sweets).

3. Apakah yang dipelajari pencerita pertama daripada Sita dan Javni di dalam cerpen Rao? Setakat manakah Rao berjaya menggunakan sudut pandangan pencerita pertama untuk mendalami persoalannya?

4. Bagaimana dan seindah manakah Kamala Markhandaya menolong kita memandang lebih jauh ke dalam perasaan dan pemikiran Rukmani? (Nectar In A Siere).

5. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa The Untouchable mendedahkan nada pesimistik Anand tentang kewujudan kasta pariah itu? Sekiranya anda mendapati bahawa Anand masih memaparkan bibit-bibit harapan di dalam kehidupan golongan ini, huraikan sejauh manakah Anand berjaya menjalinkan unsur-unsur pesimistik dengan yang optimistik.

6. SAMA ADA

- [a] Di dalam pengenalan kepada sajak-sajak di dalam Modern Indian Poetry, Pritish Nandy mengatakan bahawa bagi penyair-penyair baru India, "culture is the inheritance of the new rising class which contains the humanity of the future and this class seeks now to free itself from its traditional taboos. Danton's maxim for revolutionary movements seems to apply as appropriately in the case of literature: 'Audacity, audacity and more audacity'."

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas analisisikan setakat manakah tiga [3] penyair yang anda telah kaji berjaya di dalam usaha mereka mengkritik dan menilai semula norma-norma masyarakat masing-masing.

ATAU

- [b] Analisisikan secara mendalam pencapaian tiga [3] penyair yang anda telah kaji. Tunjukkan sejauh mana mereka berjaya menggunakan teknik tersendiri untuk mengemukakan sesuatu wawasan segar tentang kerumitan hidup yang merangkumi warna-warni, idiom dan semangat istimewa India.

-oooOOOooo-